

Soalan No:22

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG  
[MARANG]**

**TARIKH : 20.11.2017**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan untuk memastikan sistem pendidikan negara berteraskan kepada sistem pendidikan Islam secara menyeluruh dan holistik dari sudut silibus, budaya, pendekatan, mekanisme dan tenaga pengajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kurikulum yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil kira pembangunan sahsiah dan pengetahuan murid secara menyeluruh selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penghayatan nilai murni yang selaras dengan nilai sejagat tidak hanya diberi penekanan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam tetapi juga dititikberatkan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah.

Pembangunan kurikulum, bahan sokongan dan bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam digubal dengan merujuk kepada sumber

39

rujukan yang sahih dan kitab-kitab muktabar karangan ulama aliran Ahli Sunnah wal Jamaah. Kurikulum Pendidikan Islam memenuhi keperluan membina serta membentuk hamba dan khalifah Allah S.W.T yang berilmu, beriman, bertakwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketrampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunah. Kurikulum Pendidikan Islam menyumbang ke arah kemajuan tamadun bangsa dan negara serta kesejahteraan alam demi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.

KPM juga mempelbagaikan strategi pelaksanaan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) terutama latihan dan program keguruan secara berterusan kepada guru bagi memastikan pedagogi, kemahiran, nilai dan kemahiran kompetensi dapat diaplikasikan semasa PdP dalam bilik darjah.